

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan :-

- (a) perincian sistem cukai karbon; dan
- (b) bilakah sistem ini akan dilaksanakan, memandangkan Perdana Menteri telah mengumumkan sistem cukai karbon ini dalam ucapan Rancangan Malaysia ke-12 beliau.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa mengumumkan mengenai Rancangan Malaysia Ke-12 di Parlimen, YAB Perdana Menteri telah menyatakan bahawa kerajaan akan memperkenalkan instrumen ekonomi seperti mekanisme penetapan harga karbon atau '*carbon pricing mechanism*'.
2. Untuk makluman, cukai karbon merupakan salah satu inisiatif di bawah mekanisme '*carbon pricing*' selain daripada *emission trading scheme* (ETS).

## **SOALAN NO : 12**

3. Cukai karbon akan dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan. Selain itu, Mesyuarat Maslis Tindakan Perubahan Iklim Malaysia (MyCAC Bil 2/2021) pada 11 Oktober 2021 juga telah bersetuju dengan pembangunan Pasaran Karbon Sukarela (Voluntary Carbon Market-VCM) Domestik sebagai peralihan kepada skim Perdagangan Karbon Peringkat Domestik atau *Domestic Emission Trading Scheme* (DETS) yang akan dilaksanakan oleh KASA dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Bursa Malaysia. Pelaksanaan skim ini akan melibatkan pembangunan platform tunggal bagi transaksi kredit karbon di peringkat domestik. Pihak swasta boleh memanfaatkan DETS bagi melaksanakan urus niaga kredit karbon di peringkat domestik berbanding di pasaran antarabangsa yang mempunyai kos transaksi yang tinggi dan keperluan teknikal yang lebih ketat. Kerajaan menjangkakan dengan pelaksanaan mekanisme *carbon pricing* seperti DETS oleh Malaysia akan meningkatkan keupayaan pemain industri dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan yang mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perincian mengenai pelaksanaan cukai karbon akan dimaklumkan oleh Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.